# Sejarah Ting. 3

## Bab 2

## Malayan Union dan Persekutuan Tanah Melayu

Soalan 1 dan 2 berdasarkan jadual di bawah.

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 15 Ogos 1945 | Kekalahan tentera Jepun |
| 16 Ogos – 31 Ogos 1945 | X |
| September 1945 | Pentadbiran Tentera British |

1. X pada jadual di atas ialah (46)

   A Penguasaan Komunis
   B Pentadbiran raja
   C Pentadbiran Tentera British
   D Penguasaan golongan nasionalis

2. Apakah masalah besar yang dihadapi oleh Pentadbiran Tentera Britiosh dalam tempoh di atas? (48)

   A Perkauman
   B Kewangan
   C Bekalan makanan
   D Kerosakan bangunan

Soalan 3 berdasarkan maklumat di bawah.

Dato' Onn bin Jaafar telah berjaya menghalang pertumpahan darah yang dahsyat di Batu Pahat akibat tindakan tidak berperikemanusiaan komunis.

3. Apakah jawatan Dato' Onn bin Jaafar ketika itu? (48)

   A Pegawai Daerah
   B Menteri Besar
   C Setiausaha Negeri
   D Penghulu

Soalan 4 berdasarkan maklumat di bawah.

Setelah tentera Jepun berundur, British tidak dapat memulihkan kuasanya di Tanah Melayu dengan serta-merta.

4. Mengapakah usaha British di atas gagal? (46-48)

   A Masalah Kewangan
   B Kekurangan pegawai
   C Keganasan Bintang Tiga
   D Gerakan kemerdekaan rakyat

Soalan 5 berdasarkan rajah di bawah.




5. Bagaimanakah British menamatkan keganasan di atas? (47-48)

   A Mengiktiraf parti
   B Menjanjikan kemerdekaan
   C Mengadakan perundingan
   D Melaksanakan pentadbiran tentera

Soalan 6 berdasarkan senarai di bawah.

- Membunuh
- Membakar rumah
- Mencemar rumah suci

6. Apakah iktibar yang berkaitan dengan keganasan Bintang Tiga di atas? (47)

   A Bijak mengambil peluang
   B Melaksanakan sistem pengadilan
   C Perlunya pemimpin berwibawa
   D Keharmonian hidup antara kaum

7. Pada 15 Ogos 1945, Jepun telah menyerah kalah. Sebelum kedatangan British, kekosongan dalam pentadbiran pada waktu ini diisi oleh (45-46)

   A Force 136
   B Tentera Bintang Tiga
   C Askar Wataniah
   D Anggota PETA




8. Apakah kaitan kedua-dua perkara di atas? (47- 48)

   A Mendesak Bintang Tiga menyerah diri
   B Menuntut kembali kuasa ke atas wilayahnya
   C Menentang Gagasan Malayan Union
   D Memerangi Bintang Tiga yang membunuh seorang Penghulu di Batu Pahat.

Soalan 9 berdasarkan rajah di bawah.




9. Rajah di atas merujuk kepada struktur pentadbiran Malayan Union. Q ialah (51)

A Majlis Undangan
B Parlimen Britain
C Jemaah Menteri
D Majlis Raja-raja Melayu

Soalan 10 berdasarkan rajah di bawah.




10 Kedua-dua perkara di atas merupakan langkah-langkah British untuk (50)

A Memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu
B Memajukan ekonomi Tanah Melayu
C Menjajah seluruh Semenanjung Tanah Melayu
D Memberi peluang kepada anak tempatan untuk menjadi pentadbir

Soalan 11 berdasarkan rajah di bawah.




11. Apakah status negeri-negeri di atas setelah penubuhan Malayan Union? (50)

A Naungan
B Jajahan
C Merdeka
D Jajahan Mahkota

12 Apakah kejayaan British setelah menubuhkan Malayan Union? (49)

I Menjimatkan perbelanjaan
II Menyediakan pembentukan kerajaan sendiri
III Mewujudkan pentadbiran seragam
IV Mengawal kuasa politik orang melayu

A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D II, III, dan IV

13 Orang Melayu amat benci akan Sir Harold MacMichael berhubung dengan rancangan Malayan Union. Orang Melayu membenci Sir Harold MacMichael kerana (52)

A Beliau mengugut sultan Melayu supaya bersetuju dengan rancangan Malayan Union
B Beliau telah menghapuskan amalan hamba abdi
C Beliau telah menghapuskan jawatan pembesar Melayu
D Beliau mengambil alih kuasa memungut cukai

14 Di manakah Kongres Melayu Se- Malaya diadakan pada tahun 1946? (60)

A Kelab Sultan Sulaiman Kampung Baru, Kuala Lumpur
B Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur
C Padang Sekolah Francis Light
D Istana Besar, Johor Bharu

15 Penduduk Tanah Melayu menganggap Pentadbiran Q sebagai satu penaklukan.
Pentadbiran Q yang dimaksudkan ialah (50)

A Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu 1946
B Pentadbiran Tentera British 1945
C Persekutuan Tanah Melayu 1948
D Malayan Union 1946

Soalan 16 berdasarkan dialog di bawah.

“ Beta telah diberi kata dua dengan mulut dan masa yang dihadkan dan jikalau beta menolak daripada turun tandatangan… pengganti beta yang akan menurun tandatangannya akan dilantik.”
-Sultan Kedah-

16 Wakil pihak British yang menemui Sultan Kedah di atas ialah (52)

A Edward Gent
B Henry Gurney
C Harold MacMichael
D Cecil Clementi Smith

Soalan 17 berdasarkan pernyataan di bawah.

Raja-raja Melayu telah diugut mepersetujui penubuhan Malayan Union pada tahun 1946.

17 Apakah peribahasa yang sesuai dengan pernyataan di atas? (52 )

A Berkerat rotan, berpatah arang
B Bagai Cempedak menjadi nangka
C Bagai kiambang putus tali
D Bagai jatuh ditimpa tangga

Soalan 18 berdasarkan pernyataan di bawah.

Malayan Demokratik Union (MDU) merupakan parti politik Cina yang bersetuju dengan penubuhan Malayan Union.

18 Pertubuhan di atas juga mencadangkan supaya

A Mengadakan pilihan raya
B Penubuhan parti politik
C Memasukkan Singapura
D Menghapuskan kuasa sultan

Soalan 19 berdasarkan senarai di bawah.

. Saleha Ali
. Zaharah Abdullah
. Halimaton Abdul Majid

19 Apakah peranan ketiga-ketiga tokoh di atas dalam perkembangan politik Melayu? (62)

A Menubuhkan UMNO
B Menentang Malayan Union
C Memperjuangkan hak wanita
D Mengasaskan Persekutuan Tanah Melayu

Dari 1 Mac hingga 4 Mac, 200

wakil pertubuhan Melayu yang mewakili 41 buah badan telah mengadakan Kongres Parti-parti Politik Melayu di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

A Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya
B Malayan Union telah dibubarkan
C UMNO telah ditubuhkan
D Harold MacMichael telah dibunuh

. Utusan Melayu

. Majlis

21 Senarai akhbar-akhbar Melayu di atas mempunyai peranan penting semasa Malayan Union.
Apakah peranan penting akhbar-akhbar tersebut dalam usaha menentang Malayan Union? (56)

A Memberi maklumat terkini tentang perkembangan tanah air
B Memberi hiburan kepada rakyat yang berada dalam keadaan tegang menerusi ruangan hiburannya
C Menyatukan bangsa Melayu menerusi penulisannya untuk menentang Malayan Union
D Menyatukan semua bangsa menerusi berita-beritanya untuk menentang Malayan Union.

22 Orang Melayu menentang cadangan kerajaan British memberikan hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu berdasarkan prinsip jus soli.
Apakah kesan langsung daripada pelaksanaan cadangan tersebut? (52)

A Orang bukan Melayu akan menguasai pemerintahan Tanah Melayu
B Kedudukan istimewa orang Melayu akan terancam
C Orang Melayu akan kehilangan hak untuk memerintah negeri mereka
D Kerajaan British akan terus memerintah Tanah Melayu

. Menyeragamkan pentadbiran di Tanah Melayu

. Majlis Mesyuarat Negeri di pengerusikan oleh sultan negeri masing-masing

23 Senarai di atas menunjukkan cirri-ciri pentadbiran di bawah. (49-50)

A Malayan Union
B Gagasan Malaysia
C Tentera Jepun
D Persekutuan Tanah Melayu

**X**

. Melindungi kepentingan British di Tanah Melayu
. Membentuk pentadbiran yang cekap
. Menyeragamkan pentadbiran negeri-negeri Melayu di bawah satu kerajaan pusat

24 Berdasarkan rajah di atas, peristiwa X mungkin sekali (49)

A Penubuhan Malayan Union
B Perisytiharan kemerdekaan Tanah Melayu
C Persekutuan Tanah Melayu
D Darurat

25 Di bawah Malayan Union, sultan Melayu hanya berperanan sebagai Ketua Majlis Penasihat Melayu yang mengawasi hal ehwal agama slam dan adat Melayu.
Apakah kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan pernyataan di atas? (52)

A Sultan berkuasa di negeri-negeri baginda sahaja
B Kedaulatan kuasa sultan memerintah negeri masing-masing hilang
C Sultan berkuasa mutlak di negeri masing-masing
D Sultan adalah ketua kerajaan negeri di negeri baginda

- Puan Zaharah bt. Abdullah
- Puan Halimaton bt.Abdul Majid

26 Tokoh-tokoh di atas merujuk kepada (62)

A Kaum wanita yang menjadi pengerusi bagi parti berhaluan kiri
B Kaum wanita yang terlibat dalam penerbitan majalah
C Kaun wanita yang terlibat dalam penentangan Malayan Union
D Kaum wanita yang terlibat dalam pengasasan parti-parti politik

- Kapten L.D.Gammans

27 Tokoh-tokoh di atas berkaitan dengan (62)

A Ahli Parlimen Britain yang dijemput untuk melihat perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union
B Ahli Parlimen Britain yang diarahkan untuk meminta tandatangan sultan Melayu
C Ahli Parlimen Britain yang bertanggungjawab mengasaskan Malayan Union
D Ahli Parlimen Britain yang dilantik sebagai Gabenor Malayan Union

28 Bagaimanakah Parlimen British mengetahui bahawa Malayan Union tidak disukai oleh orang Melayu? (62)

A Laporan daripada dua orang ahli Parlimen British yang dihantar untuk menyiasat
B Laporan daripada Sir Harold MacMichael
C Surat-surat layang daripada orang-orang Melayu
D Pembunuhan ke atas pegawai British

**Orang Melayu berkabung dengan melilitkan kain putih di songkok mereka. Surat bantahan turut dihantar kepada Kerajaan British.**

29 Apakah yang menyebabkan tercetusnya peristiwa di atas?
(59- 61)
A Pembunuhan pegawai-pegawai British oleh orang Melayu
B Bantahan orang Melayu terhadap pembentukan Malayan Union
C Kekecewaan orang Melayu terhadap system pemerintahan British
D Keraguan orang Melayu terhadap kandungan Malayan Union

**Semangat kaum wanita amat menakjubkan. Mereka menunjukkan sikap keberanian dan perpaduan.**

30 Berdasarkan ucapan Kapten L.D.Gammans, apa yang dapat dirumuskan tentang peranan wanita dalam usaha menentang Malayan Union?
(62)

A Memperjuangkan hak mereka
B Terlibat secara aktif dalam perhimpunan
C Memperlihatkan semangat kebangsaan yang tinggi
D Memiliki kebebasan ynag tidak terhad

Tarikh : 11.5.1946

Tempat : Istana Besar , Johor Bahru

Peristiwa : UMNO ditubuhkan secara

31 Maklumat di atas berkaitan penubuhan UMNO. Apakah tujuan utama UMNO semasa penubuhannya? (65)

A Memajukan orang Melayu.
B Menentang Malayan Union.
C Mendirikan sebuah negara yang merdeka.

D Memperjuangkan hak orang Melayu dalam politik.

32 Maklumat di bawah merujuk kepada perjuangan UMNO pada tahun 1949 (65)

> Memajukan orang Melayu dalam hal berkaitan dengan perkara siasah, kebajikan hidup, kebudayaan dan ikhtisas

Apakah yang anda faham tentang maksud siasah?

A Politik.
B Pelaburan.
C Pendidikan.
D Perpaduan.

33 Cogan kata di bawah dapat dikaitkan dengan perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union. (65)

> "bersatu teguh bercerai roboh"

Apakah langkah yang berkesan bagi memaksa British menarik balik Malayan Union?

A Bekerjasama untuk menjamin keharmonian hidup.
B Merapatkan hubungan dengan kaum-kaum lain.
C Bersatu padu di bawah satu pertubuhan politik.
D Mendapatkan kerjasama Barat.

34 Jadual di bawah menunjukkan perubahan perjuangan UMNO.
(65)

| Tahun | Tujuan UMNO |
|---|---|
| 1946 | Menentang Malayan Union |
| 1949 | Menuntut kemerdekaan |

Mengapakah perubahan tersebut berlaku?

A Menambah pengaruh politik.
B Mengurangkan tekanan British.
C Memperkasakan kemajuan bangsa.
D Memgukuhkan perpaduan kaum.

35 Rajah di bawah menunjukkan antara tujuan penubuhan UMNO pada tahun 1946. (65)

UMNO
- Melindungi kepentingan orang Melayu
- Mengekalkan ketuanan Melayu

Bagaimanakah tujuan tersebut dicapai?

I Menamatkan darurat.
II Mengadakan pilihan raya.
III Membubarkan Malayan Union.
IV Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

36 Peribahasa di bawah menggambarkan perpaduan penduduk Tanah Melayu. (65)

> Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat

Apakah peristiwa yang dapat dikaitkan dengan peribahasa tersebut?

A Menggagalkan perjuangan PKM.
B Menjayakan rancangan pembangunan negara.
C Bekerjasama dengan masyarakat lain dalam hal kewarganegaraan.
D Menggagalkan Malayan Union yang boleh menjejaskan hak istimewa orang Melayu.

37 Apakah sumbangan terbesar Dato' Onn bin Jaafar? (67)

A Menubuhkan pertubuhan Melayu.
B Menyatupadukan orang Melayu.
C Mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.
D Menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu.

38 Senarai di bawah merujuk kepada tokoh pemimpin di Tanah Melayu
(68-69)

- Dato' Nik Ahmed Kamil.
- Zainal Abidin b. Ahmad.
- Dato' Panglima Bukit Gantang

Apakah perjuangan tokoh tersebut?

A Menyatukan orang Melayu.
B Menyelesaikan ketegangan kaum.
C Memartabatkan pendidikan Melayu.
D Meningkatkan ekonomi bumiputera.

39 UMNO telah berjaya memajukan orang Melayu dalam bidang di bawah. (70)

- Politik
- Ekonomi
- Sosial

Antara berikut, manakah berkaitan dengan matlamat perjuangan UMNO?

I Menumbangkan Malayan Union.
II Menumbangkan empayar British.
III Membawa Tanah Melayu ke arah Wawasan 2020.
IV Hapuskan semangat kedaerahan orang Melayu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV.

40 Dialog berikut mungkin diucapkan oleh pemimpin UMNO pada tahun 1946. (72)

Pemimpin A : Apakah kata kita gunakan

“Hidup melayu sebagai cogan

Mengapakah pemimpin A memilih cogan kata tersebut?

A Menuntut kemerdekaan.
B Menyatukan ahli UMNO.
C Memelihara tradisi budaya.
D Menaikkan semangat kenegerian.

41 Rajah di bawah menunjukkan moto yang digunakan oleh UMNO (72)




Mengapakah berlaku perubahan moto seperti di atas?

A Mengatasi permusuhan perkauman.
B Menarik bangsa lain menyertai pertubuhan UMNO.
C Mewujudkan perpaduan yang erat antara kaum.
D Memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajah British.

42 Antara berikut yang manakah warna bendera UMNO? (72)

I Biru
II Hijau
III Putih
IV Hitam

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

43 Mengapakah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dianggap penting kepada orang Melayu? (74)

A UMNO ditubuhkan.
B Kuasa sultan dikembalikan.
C Pentadbiran negeri diseragamkan.
D Syarat kerakyatan bukan Melayu dilonggarkan

| Tarikh | Peristiwa |
|---|---|
| 1.4.1946 | Pembentukan Malayan Union |
| 1.2.1948 | Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu. |

44 Jadual di atas menunjukkan perkembangan politik di Negara kita pada tahun 1940-an.
Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pihak British bersetuju untuk mengantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu? (75)

I Desakan pelabur British.
II Dasar dekolonisasi British.
III Sikap sederhana orang Melayu.
IV Pengaruh Komunis mulai lemah.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

45 Mengapakah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dapat diterima oleh orang Melayu? (75)

I Status qua orang Melayu dikembalikan.
II British menjanjikan kemerdekaan.
III Syarat kerakyatan imigran dilonggarkan.
IV Persuruhjaya Tinggi British menjadi Ketua Persekutuan

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

46 Jawatankuasa Eksekutif telah ditubuhkan pada 25.7.1946. Apakah tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan? (75)

A Mengkaji prinsip Malayan Union.
B Mengkaji kebajikan kaum imigran.
C Menggubal Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.
D Membincangkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

47 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 mengembalikan maruah bangsa Melayu. Apakah keuntungan perjanjian di atas kepada orang Melayu? (77)

A Taraf hidup orang Melayu.
B Hak istimewa orang Melayu dijamin.
C Pucuk pimpinan negara dikembalikan kepada sultan.
D Bidang pendidikan dan ekonomi dimajukan.

48 Mengapakah perubahan berikut berlaku dalam Perlembagaan Tanah Melayu 1948? (75)

- Prinsip jus soli dihapuskan.
- Kedudukan Raja-Raja Melayu dikekalkan.

A Tekanan kuasa besar.
B Bantahan orang Melayu.
C Desakan negara jiran.
D Kritikan pegawai kanan British.

49

25 Julai 1946 sebuah Jawatankuasa Eksekutif telah dibentuk untuk mengubal Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Siapakah yang kumpulan yang menyertai jawatankuasa tersebut? (77)

I Raja-raja Melayu.
II Wakil UMNO
III Pegawai kanan British
IV Wakil oarng Cina dan India,

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

50 Apakah ciri pentadbiran berikut?( (77)

Persekutuan Tanah Melayu 1948.

I Raja Melayu mengetuai persekutuan.
II Syarat kerakyatan diperketatkan.
III Institusi Raja Berperlembagaan diwujudkan.
IV Singapura digabungkan dalam persekutuan.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

51 Mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu, siapakah yang memberi perlindungan istimewa kepada orang Melayu? (77)

A UMNO.
B Majlis Mesyuarat Negeri.
C Majlis Raja-raja Melayu.
D Pesuruhjaya Tinggi British.

52 Antara berikut, yang manakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang ditandatangani pada tahun 1948? (77)

A Penubuhan Majlis Melayu.
B Pengenalan jawatan Gabenor.
C Penghapusan syarat kerakyatan.
D Pengenalan konsep Raja Berpelembagaan.

53 Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri Penjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948? (77)

I Majlis Raja-Raja ditubuhkan.
II Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
III Sebuah Persekutuan dibentuk dengan gabungan 11 buah negeri.
IV Pembentukan satu sistem demokrasi republik.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

54 Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk pada 1 februari 1948 berikutan termeterainya perjanjian di bawah (77)

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

Apakah ciri-ciri utama yang terdapat dalam perjanjian di atas?

I Konsep Raja Berperlembagaan diperkenalkan.
II Syarat kerakyatan yang longgar.
III Mendesak Raja-Raja Melayu menjadi ketua negeri Melayu.
IV Majlis Raja-Raja Melayu ditubuhkan bagi menggantikan Majlis Melayu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

55 Siapakah yang mengetuai pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu (77)

A Sultan negeri.
B Gabenor Jeneral.
C Pesuruhjaya Negeri.
D Pesuruhjaya Tinggi British.

*Kedudukan raja-raja dikembalikan.*
*Syarat kerakyatan diketatkan.*

56 Setelah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dikuatkuasakan pada tahun 1948, golongan manakah layak diberi kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu secara jus soli? (78)

I Rakyat raja.
II Rakyat British.
III Mereka yanag fasih dalam bahasa Inggeris.
IV Mereka yanag memberi taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

57 Syarat-syarat kerakyatan telah diperketat di bawah Persekutuan Tanah Melayu. Apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk memohon menjadi warganegara Tanah Melayu. (78)

I Dapat bertutur dan menulis dengan baik dalam bahasa Melayu.
II Mengangkat sumpah mengaku taat setia.
III Mempunyai tingkah laku yang baik.
IV Telah bermastautin di Tanah Melayu selama 20 tahun.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

58 Rajah di bawah merujuk kepada cara-cara mendapatkan kerakyatan dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948. (78)

| Kuatkuasa Undang-undang |
|---|

| Permohonan |
|---|

Berdasarkan rajah di atas, apakah syarat permohonan warganegara Persekutuan Tanah Melayu?

I Tiada rekod jenayah.
II Taat setia kepada persekutuan.
III Boleh bertutur dalam bahasa Inggeris.
IV Menetap selama lima tahun berturut-turut.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

| | |
|---|---|
| Nama | : Chandra |
| Umur | : 24 tahun |
| Negara asal | : India |
| Lama diTanah Melayau | : 9 tahun Bahasa |
| | : Boleh bertutur dalam Melayu |

59 Maklumat di atas berkaitan dengan Chandra. Bagaimanakah Chandra boleh mendapat kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu? (78)

A Secara natuaralisasi.
B Secara permohonan.
C Secara perkhawinan siasah.
D Secara kuatkuasa undang-undang.

60 Apakah pengajaran yang boleh diperoleh daripada kejayaan orang Melayu menggagalkan Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu? (79)

I Semangat perpaduan
II Kepimpinan berkaliber.
III Kerjasama golongan pedagang.
IV Sokongan bekas pegawai British.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

Jawapan  Sejarah Ting, 3 Bab 2

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1 | A | | |
| 2 | A | 31 | B |
| 3 | A | 32 | A |
| 4 | C | 33 | C |
| 5 | D | 34 | C |
| 6 | D | 35 | D |
| 7 | B | 36 | D |
| 8 | D | 37 | B |
| 9 | B | 38 | A |
| 10 | C | 39 | B |
| 11 | D | 40 | B |
| 12 | C | 41 | B |
| 13 | A | 42 | C |
| 14 | A | 43 | B |
| 15 | D | 44 | C |
| 16 | C | 45 | B |
| 17 | D | 46 | C |
| 18 | C | 47 | B |
| 19 | B | 48 | B |
| 20 | A | 49 | C |
| 21 | C | 50 | C |
| 22 | B | 51 | D |
| 23 | D | 52 | D |
| 24 | A | 53 | C |
| 25 | B | 54 | B |
| 26 | C | 55 | D |
| 27 | A | 56 | A |
| 28 | A | 57 | D |
| 29 | B | 58 | A |
| 30 | C | 59 | B |
| | | 60 | A |